



AKSI menarik Jun Hoong (kiri) dan Jellson dalam acara akhir 10 meter papan anjal seirama campuran di Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, semalam.

METRO AHAD

29/10/2017 p. 51

HADIAH **EMAS** SULUNG

Jellson, Jun Hoong ungguli 10m platform seirama campuran

Jumiati Rosly

jumiati@bh.com.my

Kuala Lumpur

Barpun baru dua minggu digandingkan, Jellson Jabilin yang bergandingan dengan juara dunia, Cheong Jun Hoong berjaya menghadiahkan pingat emas sulung negara pada hari kedua Kejohanan Grand Prix Terjun FINA 2017 Kuala Lumpur, semalam.

Dalam acara 10 meter platform seirama campuran itu, Jellson-Jun Hoong merakam 310.20 mata untuk pingat emas diikuti satu lagi pasangan negara, Muhammad Syahmi Mohd Rezal-Leong Mun Yee (296.10 mata) untuk perak sementara gangsa milik penerjun Korea Selatan, Kim Jeongnam-Cho Eunbi (295.80 mata).

"Persembahan saya tak konsisten mungkin disebabkan agak penat kerana tidak cukup rehat selepas acara pagi tadi (menang perak acara 10m platform seirama lelaki bergandingan dengan Hanis Nazirul Jaya Surya).

"Tapi jika dilihat pada prestasi semasa, saya rasa ia



JUN Hoong (kiri) dan Jellson bersama pingat emas dimenangi, semalam.

semakin meningkat," kata Jellson yang berusia 16 tahun.

Sementara itu, Jun Hoong yang masih dibelenggu kecederaan belakang pula berkata, dia masih belum berpuas hati dengan terjunan yang dilakukannya biarpun berjaya memenangi emas.

"Saya masih terasa kesa-

kitan tetapi ia boleh dikawal. Mungkin sebab perlu tunggu lama (acara terakhir), sebab itu saya rasa terjunan agak keras sedikit," katanya yang menyertai satu acara saja pada GP kali ini.

Secara keseluruhan, skuad negara sudah memungut satu emas, tiga perak dan satu gangsa pada hari

kedua kejohanan.

Sementara itu, satu perak lagi disumbangkan pasangan negara, Ahmad Amysyar Azman-Ooi Tze Liang dalam acara 3m papan anjal seirama lelaki sementara manakala Nur Dhabitah Sabri meraih gangsa dalam acara 3m papan anjal individu wanita.